

# UPM, AKEPT anjur Bicara Kenegaraan 2021

Nor Azidah Mokhtar - September 6, 2021 @ 9:39am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
AKEPT HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY  
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

## BICARA KENEGARAAN

Selasa, 7 September 2021 | 8.00 Pagi - 5.30 Petang

**f LIVE @AKEPTMalaysia**

**BICARA KENEGARAAN SIRI 1**  
Pendidikan Tinggi Negara:  
**MERDEKAKAH KITA?**

**BICARA KENEGARAAN SIRI 2**  
Berfikiran Global, Bertindak Lokal:  
**DI MANA DAN KE MANAKAH KITA?**

**Panelis:**  
Tan Sri Dato' Dr. Nordin Kardil  
Nahd Capasider, USAG

**Panelis:**  
Prof. Dato' Dr. Norzaini Azman  
Pengurus Pembinaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Panelis:**  
Dr. Abdul Razak Ahmad  
Pergarak, Pengasas Bait an-Nizamiah

**Panelis:**  
Prof. Dr. Zaid Ahmad  
Universiti Putra Malaysia

**Panelis:**  
Ts. Zainab Ahmad  
Ketua Pengarah, Sabatan Pendidikan Individu dan Keluarga Komuniti

**Panelis:**  
Prof. Dato' Dr. Adeeba Kamaruzaman  
Penasihat Perubatan, UPM

**Panelis:**  
Prof. Dr. Ismi Arif Ismail  
Universiti Putra Malaysia

**Panelis:**  
Prof. Madya Dr. Nga Lay Hui@Janice  
Ahli Eksekutif dan Perakutuhan, UMS

**Panelis:**  
Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain  
Universiti Putra Malaysia

**Panelis:**  
Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee Ismail  
Universiti Putra Malaysia

Anjuran  
Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)  
dengan kerjasama Fakulti Ekologi Manusia (FEM)  
dan Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), UPM

facebook.com/UniPutraMalaysia @uputramalaysia nstagram.com/uniputramalaysia youtube.com/user/bpuupm

MALAYSIA PRIHATIN Patriotisme@PUTRA®

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN  
BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.upm.edu.my

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) menganjurkan program bual bicara Bicara Kenegaraan 2021 bagi mengupas pelbagai isu berkaitan dasar dan pendidikan tinggi negara, esok.

Pengarah program, Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata program diadakan secara dalam talian melalui platform Zoom dan menganalisa dua tajuk iaitu 'Pendidikan Tinggi Negara: Merdekakah Kita?' dan 'Befikiran Global, Bertindak Lokal: di Mana dan ke Mana Kita?'

"Bicara Kenegaraan kali ini menampilkan barisan panel berwibawa iaitu Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Tan Sri Datuk Dr Nordin Kardi, Pengerusi Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT), Prof Datuk Dr Norzaini Azman dan Pengarah Pengasas Bait Al-Amanah, Dr Abdul Razak Ahmad.

"Panel lain ialah Prof Dr Zaid Ahmad (UPM), Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman (Universiti Malaya), Ts Zainab Ahmad (Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti), Prof Madya Dr Janice Nga (Universiti Sains Malaysia) dan Prof Dr Ismi Arif Ismail (Universiti Putra Malaysia)," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, kedua-dua sesi bicara ini akan dipengerusikan oleh Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain dan Prof Madya Dr Mohd Mahadee Ismail daripada UPM.

"Program ini menyasarkan penyertaan dalam kalangan pemimpin di IPT sama ada di peringkat universiti, politeknik dan kolej komuniti dan juga orang awam.

"Program ini akan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Mazlan Yusoff," katanya.

Katanya, Mazlan akan turut menyempurnakan pra pelancaran buku bertajuk 'Suara Intelek Awam Pembina Negara Malaysia' yang juga hasil penerbitan daripada program Bicara Kenegaraan 2020.